



JABATAN KETUA MENTERI
CHIEF MINISTER DEPARTMENT
Ara 28, Blok A,
Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.



Telefon : +6088-389 900
 : +6088-389 901
Faksimila : +6088-211 018
Laman Web : skn.sabah.gov.my

Rujukan : JPAN.1400-4/3 JLD.3 (54)

Tarikh : 09 DEC 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

PENGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM SEMUA URUSAN RASMI

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat edaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.100-9/1/1 JLD2 (80) bertarikh 29 Oktober 2025 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan komitmen dan ketetapan Kerajaan bagi memperkasa dan memartabatkan Bahasa Melayu, sebarang perkara, aktiviti, program, projek dan sebagainya yang dianjurkan atau diuruskan kerajaan Malaysia hendaklah menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Bahasa Melayu hendaklah diberi keutamaan dan digunakan secara menyeluruh dari segi aspek, nama, tema, tajuk, latar belakang, isi kandungan dan apa-apa maklumat yang berkaitan urusan rasmi perkhidmatan awam.

3. Bagi memastikan ketetapan ini tidak menjejaskan kelancaran penyampaian perkhidmatan dan memberi implikasi perundangan kepada kerajaan, YBhg. Datuk/tuan/puan dipohon untuk meneliti, menyemak dan mengambil tindakan yang bersesuaian berhubung perkara ini. Perhatian serius hendaklah diberikan terutamanya bagi sebarang perkara yang melibatkan kepentingan awam dan negara.

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/tuan/puan adalah dikehendaki untuk mengambil perhatian terhadap perkara ini dan melaksanakan dengan jayanya di agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP)
Setiausaha Kerajaan Negeri

"SABAH MAJU JAYA"